

Bekalan air di Johor Bahru, Pasir Gudang bakal dicatu

JOHOR BAHRU - SAJ Holdings Sdn Bhd (SAJ) akan mengeluarkan jadual bekalan air secara berkala dalam tempoh terdekat berikutan paras air di Empangan Sungai Layang, di Masai kian merosot.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah negeri, Datuk Ir Hasni Mohamad berkata, tindakan catuan terpaksa dijalankan bagi memastikan bekalan air mentah ke setiap pemilik akaun dapat diteruskan.

"Paras semasa empangan Sungai Layang kini mencatatkan angka 19.19 meter, iaitu dibawah paras kritikal, 23.5 meter.

"Kemerosotan paras air di empangan tersebut akan menjejaskan kira-kira 500,000 pemilik akaun melibatkan kawasan Johor Bahru

dan Pasir Gudang. Keadaan panas berterusan juga menyebabkan paras air di empangan Sungai Lebam di Kota Tinggi terus merosot daripada paras kritikalnya, 12.27 meter kepada 9.57 meter," katanya.

Menurutnya, semua pemegang akaun di kawasan terlibat akan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum tindakan catuan dilakukan.

"Tindakan catuan terpaksa dijalankan bagi membolehkan keupayaan loji atau empangan tersebut dapat dilanjutkan" katanya.

Hasni berkata, kerajaan negeri juga sedang menanti keputusan daripada Singapura bagi kelulusan melakukan pembenihan awan.

Katanya, jika diluluskan sekalipun, proses tersebut tidak dapat dijalankan berikutan cuaca dan pembentukan awan yang tidak sesuai.